

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan
menyatakan :

- (a) senarai bantuan kewangan dan jumlah yang telah diberikan oleh Kementerian kepada usahawan dan syarikat Bumiputera sejak Mei 2018 sehingga kini; dan
- (b) prestasi terkini dana RM1 bilion untuk usahawan muda yang disalurkan melalui Dana Pemerkasaan dan Keusahawanan Anak Muda

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Pembangunan Usahawan telah menyalurkan bantuan kewangan kepada usahawan dan syarikat Bumiputera melalui program-program melalui agensi-agensi di bawahnya sebagaimana berikut:

(i) TEKUN Nasional (TEKUN)

TEKUN telah menyalurkan sebanyak **RM457.8 juta** kepada **36,034 usahawan Bumiputera** melalui program-program seperti berikut:

- (a) TEKUN Niaga
- (b) TEMAN TEKUN
- (c) TEMANNita
- (d) Kontrak – i

(ii) Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

SKM menyediakan bantuan kewangan kepada **132 koperasi** yang terlibat dalam pelbagai sektor ekonomi, dengan nilai keseluruhan **melebihi RM 6 juta** sejak Mei 2018 sehingga kini.

(iii) SME Corporation (SME Corp)

Antara program yang telah dilaksanakan oleh SME Corp, yang mensasarkan komuniti usahawan Bumiputera adalah seperti berikut:

- (a) **Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE)** – program bagi membantu meningkatkan daya saing PKS Bumiputera ini bersifat inklusif dan mengambilkira golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) di bandar dan luar bandar. Sokongan

kewangan melalui **geran bernilai RM15,000** ada ditawarkan melalui program ini. Sejak Mei 2018, **sejumlah 1,963 belia Bumiputera** telah menerima latihan dan menjalankan perniagaan serta berjaya mewujudkan sejumlah **3,870 peluang pekerjaan**.

(b) **Program Peningkatan Perusahaan Bumiputera (BEEP)** - program ini bertujuan untuk meningkatkan daya saing PKS Bumiputera menerusi bantuan bersepadu yang meliputi khidmat nasihat, bantuan teknikal, latihan dan sokongan kewangan dalam bentuk geran bersamaan. Sejak Mei 2018, sejumlah **65 syarikat PKS Bumiputera** telah diluluskan **geran bersamaan berjumlah RM2.1 juta**.

(c) **Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB)** - program ini bertujuan untuk mewujudkan rangkaian perniagaan dalam kalangan PKS Bumiputera, serta membantu mereka menerokai potensi Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan menambah bilangan PKS Bumiputera yang menembusi pasaran antarabangsa. Bantuan kewangan bersepadu ditawarkan dalam bentuk geran bersamaan disediakan oleh SME Corp. dan pinjaman mudah daripada MARA. Sejak Mei 2018, sejumlah **25 syarikat Bumiputera** telah diluluskan **geran bersamaan berjumlah RM2,725,116.21**.

(iv) SME BANK

SME Bank aktif melaksanakan mandat sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) bagi membantu pengembangan PKS negara. Bagi tempoh Mei 2018 sehingga Julai 2019, SME Bank telah merekodkan kelulusan pembiayaan sekitar **RM2.28 bilion** kepada **752 usahawan** dengan peratusan berjumlah **62% syarikat Bumiputera dan 38 % bukan bumiputera**.

Tuan Yang di-Pertua,

(b) Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan program bagi memperkasakan keusahawan anak muda adalah dilaksanakan menggunakan peruntukan sedia ada Kementerian–kementerian yang terlibat.

Secara asasnya, sebanyak lapan (8) Kementerian yang terlibat dalam melaksanakan program pembangunan keusahawanan Anak Muda iaitu:

- (i) Kementerian Pembangunan Usahawan;
- (ii) Kementerian Belia dan Sukan;
- (iii) Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim;
- (iv) Kementerian Komunikasi dan Multimedia;
- (v) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- (vi) Kementerian Hal Ehwal Ekonomi;
- (vii) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; serta
- (viii) Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Justeru, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah memperkenalkan Dasar Keusahawanan Negara (DKN) pada 11 Julai 2019 dalam usaha untuk mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik, kondusif dan inklusif bagi semua lapisan usahawan.

Antara program/inisiatif baharu yang sedang dilaksanakan oleh MED untuk membantu usahawan-usahawan di Malaysia terutama sekali usahawan muda adalah seperti berikut:

- (i) **Program Pembangunan Usahawan Fertigasi (Fertigreneur)**
- (ii) **Program baharu di bawah Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ)**

NO. SOALAN : 2

MED telah menetapkan sasaran untuk melatih 15,000 graduan setahun dalam bidang keusahawanan seperti :

- (a) PROTÉGÉ *Ready to Work*
- (b) PROTÉGÉ *Booster*
- (c) PROTÉGÉ *Uni-Preneur*
- (d) PROTÉGÉ *Business Accelerator*
- (e) PROTÉGÉ *Reach Out*

- (iii) **Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 6.0** oleh SME Corp.
- (iv) **Program Tunas Usahawan Baitulmal** oleh SME Corp.
- (v) **Kit Panduan bagi Perniagaan Permulaan** oleh SME Corp.

Sekian, terima kasih.